

**Parlimen: S.O.P Hospital Dikaji Semula Untuk Perkhidmatan Lebih Baik - Rosnah Bernama
29 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Kementerian Kesihatan kini di peringkat akhir mengkaji semula prosedur operasi standard (SOP) di setiap hospital di bawah kendaliannya bagi mewujudkan perkhidmatan lebih baik kepada rakyat.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata cadangan kementerian ialah untuk mengeluarkan garis panduan berbentuk polisi itu akhir tahun ini.

"Kita juga menggalakkan penyertaan pihak seperti PPUM (Pusat Perubatan Universiti Malaya), hospital di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan hospital swasta.

"(Langkah ini) supaya wujud satu SOP yang bakal menjadi garis panduan untuk pengendali hospital serta pegawai-pegawai perubatan dan kakitangan sokongan di setiap hospital," katanya ketika menjawab soalan tambahan Nurul Izzah Anwar (PKR-Lembah Pantai) pada sidang Dewan Rakyat pada Isnin.

Nurul Izzah ingin tahu langkah kementerian dalam menetapkan SOP di hospital berikutan kejadian kegagalan bekalan elektrik di PPUM baru-baru ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=705255>